

NO. SEBUTHARGA: 5/2021

NO. FAIL: MDT/JKAPP/UAB/PPRKL/2021 (4)

TAJUK PROJEK: KERJA PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT KAWASAN LAPANG DAN PADANG PERMAINAN DALAM KAWASAN MAJLIS DAERAH TAPAH DI ZON 4

TARIKH TUTUP: 19 FEBRUARI 2021

Sila tandakan bagi dokumen-dokumen yang disertakan. (Senarai Semakan Dokumen)

BIL	PERKARA/DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUTHARGA
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan (Ssm)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Salinan Penyata Kewangan Syarikat Untuk 3 Bulan Terakhir (Bank Statement)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Borang Sebutharga Telah Disisi Dengan Lengkap (Termasuk Nilai Tawaran Dan Tempoh Siap) Dan Ditandatangani.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Salinan Resit Pembayaran Borang Tender	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Salinan Resit Pendaftaran Kontraktor Majlis Daerah Tapah Bagi Tahun 2021	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>



**MAJLIS DAERAH TAPAH
PERAK DARUL RIDZUAN**

DOKUMEN TENDER

BAGI

**PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT
KAWASAN LAPANG DAN PADANG
PERMAINAN DALAM KAWASAN
MAJLIS DAERAH TAPAH
(ZON 4)**

SEBUTHARGA NO. 5/2021

SEBUTHARGA AKAN DITUTUP DIPEJABAT MAJLIS DAERAH TAPAH

PADA **19 FEBRUARI, 2021** JAM 12.00 TENGAHARI BORANG
SEBUTHARGA BIL. MDT/JKAPP/UAB/PPRKL/1/2021 (4)

Nama Dan Alamat Kontraktor

.....
.....
.....

Tuan,

Kod Bidang : Kelas : KKM
Kategori : Kod (221002) – PEMBERSIHAN KAWASAN

Tajuk : **PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT KAWASAN LAPANG DAN
PADANG PERMAINAN DALAM KAWASAN MAJLIS DAERAH TAPAH
(ZON 4)**

Dibawah dan tertakluk kepada Arahan kepada Petender, Syarat-Syarat Am Sebutarga, spesifikasi Kerja dan Pelan-Pelan, Saya bertandatangan dibawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja bagi jumlah harga sebanyak.

i) Jumlah Harga Sebutarga RM _____
JUMLAH RM _____

(Ringgit Malaysia: _____
_____) (RM)

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa _____ minggu dari tempoh mula kerja yang ditetapkan dibawah Fasa 1 Borang Inden Kerja.

Tarikh : _____ hb. _____ 2021

(T.T Kontraktor)

(T.T Saksi)

Nama Penuh :
No. K/P :
Alamat :
Cop Kontraktor :

Nama Penuh :
No. K/P :
Alamat :

Borang – Rumput Zon 4

Petender mestilah menyediakan dan membekal kelengkapan peralatan, tenaga pekerja dan kenderaan yang mencukupi untuk membersihkan rumput di kawasan lapang dan padang permainan supaya sentiasa bersih dan kemas.

Ambil Perhatian harga yang dikemukakan adalah kadar bagi setahun dengan pusingan kerja pemotongan rumput pada tiap-tiap bulan.

PERHATIAN MUSTAHAK : PETENDER HENDAKLAH MEMBUAT LAWATAN DAN PEMERIKSAAN KAWASAN

BIL	TEMPAT/KAWASAN [ZON 4]	PEMOTONGAN RUMPUT KEKERAPAN :		
		KELUASAN KAWASAN (m ²)	KADAR (RM) / m ²	KADAR BULANAN (RM)
1	TAMAN PHUN CHUN	2,125.68		
2	TAMAN MAJU JAYA	6,510.62		
3	TAMAN IMPIAN JAYA	2,425.29		
4	TAMAN ANSON	493.86		
5	TAMAN BIDOR JAYA	2,295.60		
6	TAMAN BIDOR MEWAH	3,456.37		
7	TAMAN GEMILANG	1,086.14		
8	TAMAN GEMILANG 2	3,537.05		
9	TAMAN MEWAH PRIMA	3,040.95		
10	TAMAN CEGAR MEWAH, BIDOR	579.32		
11	TAMAN CEGAR JAYA BIDOR	504.25		
12	KPG. CEGAR TAMBAHAN BIDOR	6,336.67		
13	TAMAN ORKID JAYA	2,389.96		
14	TAMAN PERMAI	4,250.92		
15	TAMAN PERMAI JAYA	10,459.60		
16	TAMAN SUNGKAI MEWAH	1,444.69		
17	SUNGKAI SENTRAL	6,184.19		
18	SUNGKAI PERDANA FASA 2	18,959.24		
19	KG BARU PEKAN PASIR, BIDOR	5,011.63		
20	PADANG SUNGKAI	11,564.69		
21	KAMPUNG BARU SUNGKAI	1,450.00		
22	KAMPUNG BARU COLDSTREAM	4,694.00		
23	MEDAN SELERA BIDOR	2,080.00		
JUMLAH KESELURUHAN		100,880.72		

MAJLIS DAERAH TAPAH

**TAWARAN BAGI KERJA PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT KAWASAN LAPANG DAN
PADANG PERMAINAN DALAM KAWASAN MAJLIS DAERAH TAPAH**

BORANG TENDER

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Tapah,
Jalan Stesyen,
35000 Tapah,
PERAK DARUL RIDZUAN

Tuan,

Setelah mengkaji Bentuk Perjanjian, Lukisan, Syarat-Syarat Am Kontrak, Spesifikasi Bil Kuantiti dan Jadual Kadar yang disertakan bersama ini dan dengan niat dan maksud yang sama dengan sebenarnya, kami bersetuju menebas rumput di kawasan lapang dan padang permainan seperti yang dicatatkan di dalam senarai di mana berada dalam keadaan baik dan sempurna dalam tempoh 1 tahun bermula _____ hingga _____ dengan jumlah (RM: _____) Ringgit Malaysia : _____

2. Jika tender kami diterima, kami akan, apabila diperlukan menyediakan Jaminan Bank yang bersama dan berasingan terikat dengan kami dengan suatu jumlah yang sama dengan 2 % dari jumlah setahun untuk melaksanakan kontrak itu sewajarnya di bawah Bon dalam Borang yang dikepilkkan kepada syarat-syarat Am Kontrak.

3. Melainkan dan sehingga Perjanjian rasmi disediakan dan dilaksanakan Tender ini beserta dengan penerimaan bertulis akan menjadikan kontrak yang mengikat antara kita.

4. Kami faham bahawa tuan tidak terikat untuk menerima tender yang paling rendah atau mana-mana tender.

Yang Benar,

Penender :

Alamat dan Cop Syarikat :

No. Telefon :

Tarikh :

MAJLIS DAERAH TAPAH

TAWARAN BAGI KERJA PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT KAWASAN LAPANG DAN PADANG PERMAINAN DALAM KAWASAN MAJLIS DAERAH TAPAH

RINGKASAN TERAKHIR

A. PEMOTONGAN RUMPUT :

BIL	KETERANGAN	JUMLAH SEPUSING
1.	KERJA PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT KAWASAN LAPANG DAN PADANG PERMAINAN DALAM KAWASAN MAJLIS DAERAH TAPAH ZON	

B. JUMLAH : RM

RINGGIT MALAYSIA :

.....

.....
(Tandatangan Penender dan Cop)

SURAT PERAKUAN KONTRAKTOR

Kepada :

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Tapah,
Jalan Stesyen,
35000 Tapah
Perak Darul Ridzuan

Tuan,

Tertakluk kepada Syarat-syarat Tender yang dikepalkan bersama ini / kami yang bertandatangan di bawah ini, dengan ini menender dan menawarkan untuk melaksanakan dan menjalankan kerja-kerja ini dan juga menyediakan dan membekalkan semua buruh dan alatan dan sebagainya dan lain-lain perkara yang berkaitan dengannya meluluskan, menunjukkan, memperlihatkan dan memasukkan atau disifatkan ada dalam Bentuk Perjanjian Kontrak, Syarat Am Kontrak dan Spesifikasi Kontrak yang akan disempurnakan dan dibekalkan untuk pihak Kontraktor bagi perkhidmatan yang tersebut dan tertakluk kepada Syarat-syarat Kontrak untuk sejumlah wang yang tersebut di bawah ini.

2. Saya / Kami yang bertandatangan di bawah ini, dengan ini bersetuju Syarat-syarat Kontrak yang dihargakan dan Penentuan dan bersetuju dengan Jadual Kerja yang dihargakan (Borang A dikepalkan) yang mana merupakan asas untuk penilaian bayaran.

3. Jumlah harga tender (12 bulan) ini adalah Ringgit Malaysia :

.....
.....

(RM :)

4. Bahawasanya dengan ini dipersetujui bahawa anda berhak pada diri anda sendiri sama ada hendak menerima atau menolak tender ini, sama ada ianya lebih rendah atau lebih tinggi daripada mana-mana tender yang lain, daripada jumlah yang sama saya / kami bertandatangan di bawah ini dengan ini bersetuju tender ini tetap sah dan berkuatkuasa dan tidak boleh ditarik balik dalam masa enam puluh hari (60 hari) dari tarikh akhir untuk mengemukakan tender demikian.

5. Dan selanjutnya, saya / kami yang bertandatangan di bawah ini dengan ini brsetuju sekiranya anda menerima tender ini, melaksanakan Perjanjian Kontrak Rasmi dan mencagarkan wang tunai suatu jumlah wang atau jaminan bank yang diluluskan sebanyak RMiaitu senilai 2% daripada nilai tender bagi tempoh 12 bulan untuk meliputi Pampasan Pekerja dan bayaran-bayaran lain yang patut dibayar dan mengeluarkan resit untuk premium yang dibayar untuk pemeriksaan dalam tempoh sepuluh hari (10 hari) selepas dipos atau dihantar dengan tangan pemberitahuan penerimaan itu.

6. Saya / Kami yang bertandatangan di bawah ini, mengesahkan setelah diteliti bahawa dokumen yang digunakan oleh orang yang bertandatangan di bawah ini dalam menyusun tender ini adalah salinan dokumen yang sah yang dimasukkan ke dalam Dokumen Jadual Tender.

Tandatangan Penender :

Syarikat :

.....

.....

.....

No. Telefon :

Nama Saksi :

Tandatangan :

No. Kad Pengenalan :

Alamat Saksi :

.....

.....

Tarikh :

(MUSTAHAK) Borang ini mestilah diisikan oleh Kontraktor

SENARAI KERJA YANG DILAKSANAKAN SEBELUM INI

Kerja yang telah siap dalam tempoh setahun dan masih dijalankan

Bil	Nama Projek	Nama Jabatan / Agensi / Kerajaan /Firma	Jumlah Kontrak RM	Tarikh Mula Dan Siap

.....

Tandatangan Kontraktor

Nama :

Alamat :

Tarikh :

SYARAT-SYARAT AM KONTRAK

1. AM :

Pihak Kontraktor hendaklah menyediakan semua perkara yang perlu (termasuk pekerja) untuk melaksanakan perkhidmatan sewajarnya menurut tujuan dan maksud penentuan-penentuan itu keseluruhannya sama ada ianya ditunjukkan atau diperihalkan secara khusus atau tidak dengan syarat ianya difahamkan secara munasabah dari Kontrak itu dan jika kontraktor mendapati sebarang perselisihan di dalamnya ia hendaklah dengan serta-merta secara bertulis merujuk perselisihan itu kepada Yang Dipertua, Majlis Daerah Tapah (kemudian daripada ini disebut "Yang Dipertua" dan beliau akan memutuskan cara-cara bagaimana perkhidmatan itu patut dijalankan.

1.1 TAKRIF

Dalam penentuan kontrak ini takrif 'Majlis Daerah Tapah' ertinya Yang Dipertua, Majlis Daerah Tapah atau wakilnya yang dilantik secara bertulis termasuk Setiausaha.

2. BIDANG KERJA DAN PENALTI

Pihak kontraktor hendaklah menjalankan perkhidmatan yang ditentukan di bawah ini sepenuhnya dalam semua segi dengan memuaskan hati Yang Dipertua atau wakilnya supaya kawasan-kawasan yang ditetapkan di dalam Kawasan Kerja yang berkepil sentiasa bersih, kemas dan sempurna. Jika kontraktor tidak dapat melaksanakan syarat-syarat kerja yang tersebut di atas, **Notis Tindakan Pembetulan (NTC)** akan dikeluarkan. Setiap notis yang dikeluarkan mempunyai nilai RM100.00. Jumlah potongan yang dibuat adalah berdasarkan jumlah notis pada bulan berkenaan yang telah dikeluarkan kepada kontraktor.

- (a) Memotong dan menyelenggara rumput kawasan lapang dan padang permainan dengan pusingan kerja **sekali dalam satu (1) bulan**;
- (b) Memotong dan menyelenggara rumput di sekitar kawasan kolam tadahan sekiranya terdapat kolam tadahan di kawasan tersebut **sekali dalam satu (1) bulan** ;
- (d) Memotong dahan-dahan pokok yang terjuntai ke atas longkang kawasan lapang dan padang permainan dengan pusingan kerja **sekali dalam satu (1) bulan** ;
- (e) Menyangkul dan membersihkan rumput-rumput di sekeliling pokok-pokok teduhan dan pokok-pokok bunga dan juga di tiang-tiang elektrik, tiang-tiang telefon dan di sekeliling alat-alat permainan dengan pusingan kerja **sekali dalam satu (1) bulan** ;
- (f) Mengumpul, menyapu, mengangkut dan membuang segala benda-benda yang dipotong dan juga sisa-sisa lain yang disebut dari kerja-kerja di atas ke dalam plastik hitam dan dibuang ke tempat pembuangan sisa – sisa pepejal seperti yang ditetapkan dan disyaratkan oleh Majlis Daerah Tapah.

3. KONTRAKTOR HENDAKLAH MENYEDIAKAN PEKERJA DAN ALAT- ALAT

Kontraktor hendaklah menyediakan alatan yang berikut :-

- i. Pekerja-pekerja yang secukupnya ;
- ii. Mesin rumput jenis beroda (Lawn Mower) ;
- iii. Mesin rumput jenis mudah alih (Portable) ;
- iv. Karung plastik berwarna kuning, cakar buluh, cakar besi, parang dan lain-lain alat dan bahan-bahan yang perlu ;
- v. Kenderaan sekurang-kurangnya 20 CWT untuk mengangkut pekerja-pekerja dan membuang sisa-sisa pepejal yang disebutkan di atas .

3.1 Semua alat-alat seperti mesin-mesin, kenderaan dan lain-lain peralatan yang bersangkutan yang disediakan oleh kontraktor mestilah di dalam keadaan yang baik dan sesuai digunakan dan sentiasa berada didalam keadaan yang berfungsi termasuk mengadakan **Papan Tanda Jadual Pembersihan.**

3.2 Semua kerja-kerja pembersihan memotong rumput hendaklah dibuat dengan menggunakan mesin memotong rumput samada dari jenis beroda atau dari jenis mudah alih.

3.3 Semua pekerja hendaklah dibekalkan dengan pakaian keselamatan seperti :

3.3.1 Jaket (vest) keselamatan yang pantul cahaya.

3.3.2 Kasut Keselamatan / Safety Boots

3.3.3 Cermin Mata (Google)

3.3.4 Sarung tangan

Sentiasa memakai semasa kerja / tempoh kerja berjalan.

4. TEMPOH KERJA DAN PUSINGAN KERJA

Kontraktor dibenarkan masuk ke tempat-tempat yang dinyatakan dalam perenggan 2 dan jadual yang dinyatakan disini pada pagi 9.00 pagi _____ hingga 5.00 petang (12 bulan) atau waktu lain yang akan ditetapkan.

4.1 Kontraktor mestilah melengkapkan satu pusingan kerja memotong rumput mengikut tempoh dan jadual yang ditetapkan dan sekiranya gagal berbuat demikian Majlis akan membuat **potongan berdasarkan jumlah Notis Tindakan Pembetulan yang dikeluarkan pada bulan berkenaan.**

4.2 Yang Dipertua, Setiausaha ataupun Pen. Pegawai Kesihatan Persekitaran yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua berhak untuk mengeluarkan arahan dari masa semasa ke semasa dalam kerja - kerja pembersihan ini. Kontraktor hendaklah menyediakan Jadual Kerja Bulanan yang diprogramkan serta dikemukakan kepada Majlis untuk pengesahan pada **minggu akhir tiap bulan sebelumnya.**

4.3 Majlis ini berhak untuk mengubah banyaknya kerja di mana-mana bahagian seperti dinyatakan dalam **Jadual 'A'** pada Borang Sebutharga dengan menambah atau mengurangkan sebanyak 25% (dua puluh lima peratus) dan kadar berdasarkan kepada per unit sebulan seperti yang dinyatakan di dalam **Borang Kawasan Kerja.**

5. TAKRIF BULAN

Perkataan 'bulan' yang dinyatakan dalam Penentuan-penentuan Kontrak pada Borang Sebutharga bermaksud satu bulan calendar (One Gregorian calendar Month) iaitu hari pertama hingga hari akhir bulan tersebut.

6. PEMOTONGAN RUMPUT

Kontraktor hendaklah menyediakan program kerja berjadual bulanan dan harian kawasan yang dibersihkan. Semua rumput hendaklah dipotong rapat dengan menggunakan jenis mesin yang ditetapkan dan **tidak lebih daripada 25 mm** dalam keadaan yang memuaskan. Pusingan kerja hendaklah dikira dalam tempoh seperti yang disebutkan diatas.

- 6.1 Rumput-rumput disepanjang muka parit atau kecuranan hendaklah di trim dengan memuaskan dan menampakkan muka parit yang berkenaan dengan tidak kurang dari **75 mm dari muka parit tersebut.**

7. KENDERAAN

Kontraktor mestilah menyediakan kenderaan/lori yang sesuai (beratnya tidak kurang dari 20 CWT) dengan secukupnya bagi memungut dan memusnahkan segala sisa-sisa pepejal yang terletak di` bahu jalan yang dibuat berikutan dengan kerja-kerja pembersihan bahu jalan dan sistem perparitan. Sekiranya Majlis ini mendapati sisa-sisa tersebut diletakkan dibahu jalan melebihi 24 jam, Majlis ini akan mengeluarkan **Notis Tindakan Pembedahan (NTC)** semasa sisa-sisa tersebut masih terletak di bahu jalan awam.

- 7.1 Semua rumput yang dipotong, tumbuh-tumbuhan atau apa-apa sisa atau sampah sarap mestilah dipungut dari tapak kerja tersebut dengan secepat mungkin yang tidak lewat dari 24 jam dan Majlis ini akan mengeluarkan arahan kebenaran supaya sisa-sisa pepejal tersebut dibuang ke Tapak Pelupusan Sampah Majlis Daerah Tapah. Perbuatan **membakar sampah sarap / rumput rumpai adalah ditegah.**

8. MESIN MEMOTONG RUMPUT

Mesin pemotong rumput hendaklah jenis yang beroda atau yang mudah alih yang mempunyai isipadu enjin biasa. Mesin-mesin ini hendaklah di dalam keadaan yang baik dan dijaga dengan sempurna. Kontraktor juga hendaklah menyediakan mesin-mesin tambahan bagi menggantikan mesin-mesin yang rosak bagi menentukan tiada gangguan kepada kerja-kerja pembersihan.

- 8.1 (a) Kontraktor hendaklah menyediakan di tempat kerja itu bilangan pekerja yang mencukupi seperti berikut:-
- i. Penyelia Kerja
 - ii. Operator Mesin
 - iii. Pekerja Am :-
 - Menyapu, mengumpul rumput
 - Kelendan Lori
 - Memungut sisa-sisa kerja yang terkumpul
- (b) Kontraktor hendaklah menggaji dan menyediakan sepanjang masa pekerja yang berkelayakkan .

- 8.2 Sekiranya pekerja-pekerja itu tidak bekerja kerana cuti umum atau kerana perayaan agama, maka adalah tanggungjawab kontraktor untuk menyediakan pekerja-pekerja gantian dan membayar gaji mereka.
- 8.3 Mematuhi Undang-undang Jabatan Sumber Manusia dan Pembangunan.
- 8.4 **Tanpa memperolehi kebenaran bertulis terlebih dahulu dari Yang Dipertua, Kontraktor tidak boleh menyerahkan (assign) kontrak ini atau Sub-kontrak semua atau mana-mana bahagian perkhidmatan tersebut dengan syarat bahawa kebenaran itu tidak ditahan dengan tidak munasabah memudaratkan kontraktor. Kiranya mana-mana bahagian kerja itu di sub-kontrak dengan kebenaran bertulis dari Yang Dipertua, maka kontraktor bertanggungjawab sendirinya dan sepenuhnya untuk menentukan bahawa sub-kontraktor itu mematuhi semua syarat-syarat yang tersebut didalam kontrak ini.**
- 8.5 Kontraktor tidak boleh menyebabkan, membenarkan atau membiarkan dikeluarkan dengan memuaskan hati sebarang dekri (decree) ,hukuman atau perintah diberi atau akan diberi terhadap kontraktor sebarang pemberitahuan balahan (Notice Of Garnishment) yang mengikut sebarang harta kontraktor yang didalam milik Majlis.
- 8.6 Yang Dipertua berhak memotong sebarang wang yang kontraktor itu perlu bayaran di bawah Kontrak ini kepada Majlis daripada jumlah yang perlu dibayar kepada Kontraktor dan Yang Dipertua dalam mengeluarkan perakuannya seperti diperuntukkan dalam fasal bayaran hendaklah mengambil perhatian terhadap jumlah yang boleh dikenakan kepada Kontraktor. Dengan syarat bahawa peruntukan ini tidak akan melibatkan apa-apa pemilihan lain oleh tindakan menurut undang-undang atau sebaliknya yang padanya Majlis berhak untuk mendapat wang tersebut.
- 8.7 Jika tidak ada kadar atau syarat yang tertentu dalam daerah ini, maka kontraktor hendaklah membayar kadar gaji pekerja dan mematuhi syarat-syarat pekerjaan tidak kurang dari kadar dan syarat perindustrian yang ditentukan lain-lain daerah bagi kerja yang sama di bawah keadaan yang sama.
- 8.8 Sekiranya timbul pertelingkahan atau perbalahan berkenaan kadar gaji yang hendak atau syarat-syarat pekerjaan yang hendak dipatuhi menurut fasal di sini, maka pertelingkahan atau perbalahan itu, kecuali diselesaikan, hendaklah dirujuk kepada Pesuruhjaya Buruh untuk keputusan, dengan syarat bahawa sekiranya ada mana-mana pihak tidak puas hati dengan keputusan itu boleh merayu kepada Jemaah Pengadilan Rayuan yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri.
- 8.9 Orang yang **dibawah umur Lapan Belas Tahun**, menurut kiraan tahun Inggeris, tidak boleh bekerja di bawah kontraktor ini.
- 8.10 Kontraktor hendaklah mengiktirafkan kebebasan semua pekerjaanya dalam dan untuk melaksanakan kontrak ini untuk menjadi ahli Kesatuan Sekerja yang didaftar dan tidak boleh dengan apa cara jua menyekat atau melemahkan semangat pekerjaanya untuk menjadi ahli Kesatuan Sekerja atau membeza-bezakan pekerja yang menjadi ahli kesatuan sekerja yang berdaftar.

- 8.11 Sekiranya bayaran wang gaji tidak diberi oleh Kontraktor kepada pekerja dalam dan untuk perlaksanaannya kontrak ini dan jika tuntutan di fail dalam pejabat Jabatan Buruh dan bukti ditunjukkan dengan memuaskan hati pegawai jabatan tersebut, maka Yang Dipertua boleh, dalam keingkaran kontraktor membayar wang tersebut, membayar tuntutan itu kepada Pesuruhjaya Buruh atau wakilnya daripada mana-mana wang pada bila-bila masa yang mana tidak dibayar kepada Kontraktor dibawah kontrak ini dan bayaran seperti ini dikira sebagai bayaran yang dibuat kepada kontraktor di bawah dan menurut kontrak ini.

9. (a) KECEDERAAN KEPADA SESEORANG

Kontraktor mestilah melepaskan dan sentiasa melepaskan Majlis ini dari tanggungan terhadap atau dari semua tanggungjawab perundangan berkaitan dengan kerugian, terhadap atau dari semua tanggungjawab perundangan berkaitan dengan kerugian, kerosakan tindakan, langkah perbincangan, guaman tuntutan apa jua yang timbul pada 'common-law' atau dengan 'statute' berkaitan dengan kecederaan kepada diri atau kematian kepada sesiapa sahaja yang timbul kecuali disebabkan oleh kecuaiian Majlis ini atau penjawatnya.

(b) KECEDERAAN KEPADA HARTA BENDA

Kontraktor mestilah bertanggungjawab dan hendaklah melepaskan dan sentiasa melepaskan Majlis ini dari semua tanggungjawab berkaitan dengan kerugian, kerosakkan, tindakan, langkah perbincangan guaman dan hendaklah bertanggungjawab terhadap apa-apa kecederaan atau kerosakan apa jua yang timbul atau dalam pekerjaan atau dengan sebab pelaksanaan kerja terhadap sebarang harta tanah atau harta peribadi disebabkan oleh kecuaiian, ketinggalan atau keingkaran dirinya sendirinya, wakilnya atau orang gajinya atau sebarang sub-kontraktor yang diberi kuasa atau terhadap mana-mana hal di bawah kawalannya.

10. (a) Kontraktor hendaklah dengan segera dan sebagai satu syarat sebelum membuat kerja-kerja dibawah kontrak ini, mengambil polisi insuran yang melepaskan Kontraktor dan Majlis dari tanggungan dan dalam tujuan ini termasuklah setiap pegawai dan jabatannya dari semua tanggungan yang timbul dari tuntutan mana-mana pekerja atau setiap orang pekerja yang digaji dan yang untuk pelaksanaan kontrak ini bagi bayaran pampasan di bawah atau menurut Perundangan Pampasan Pekerja atau mana-mana undang-undang yang meminta atau menggantikan perundangan tersebut dan melepaskan tanggungan dari semua kos dan perbelanjaan yang berkaitan atau akibatnya

(b) Polisi yang diambil itu mestilah mencatatkan seperti berikut:-

CATATAN "A" - "Dengan ini difahamkan dan dipersetujui bahawa sekiranya mana-mana pekerja yang digaji oleh yang diinsurankan atau oleh Kontraktor yang diinsurankan seperti yang dimaksudkan dalam CATATAN "B" disini atau mana-mana orang yang ditanggung oleh pekerja itu, membawa atau membuat tuntutan di bawah Perundangan Pampasan Pekerja yang berkuatkuasa dalam Malaysia Barat terhadap mana-mana Pegawai Majlis kerana kecederaan diri atau penyakit yang dideritai semasa bekerja pada mana-mana kontrak yang diliputi oleh syarat-syarat polisi itu yang diinsurankan mungkin dilaksanakan oleh pegawai tersebut atau Majlis, maka Kontraktor itu mestilah melepaskan pegawai atau Majlis dari tanggungan tuntutan dan apa-apa kos, bayaran dan perbelanjaan yang berkaitan dengannya; dengan syarat kontraktor itu berhak berjalan dan menawal sepenuhnya tindakan yang berkaitan

dengan tuntutan yang diliputi oleh catitan ini. Dalam catitan ini tidak ada yang diertikan sebagai menyentuh hak yang diinsurankan mendapat balik gantirugi dalam apa jua pun di bawah Perundangan tersebut.”

‘CACATAN “B” – “Dengan ini difahamkan dan dipersetujui bahawa kelepasan tanggungan yang diberi ini dimaksudkan untuk meliputi tanggungan Perundangan yang diinsurankan kepada pekerja-pekerja dalam penggajian kontraktor untuk melaksanakan kontraktor-kontraktor yang membuat kerja bagi yang diinsurankan semasa berada dalam perniagaan dan pendudukan, yang berkenaan dengannya polisi ini diberi, tetapi hanya sepanjang yang berkenaan tuntutan di bawah Perundangan Pampasan Pekerja yang berkuatkuasa di Malaysia Barat.”

- (c) Polisi yang diambil mestilah disimpan oleh Yang Dipertua dan Kontraktor mestilah menyenggarakan sepenuhnya dan membayar premium yang patut dibayar sehingga kontrak itu tamat dan apabila diminta kontraktor mestilah menunjukkan kepada Yang Dipertua resit terakhir untuk pembayaran premium berkenaan
 - (d) Sekiranya Kontraktor ingkar mematuhi mana-mana syarat kontrak ini :-
 - i. Menahan semua pembayaran yang sepatutnya dibayar kepada kontraktor dibawah kontrak ini dan dari wang ditahan itu boleh membayar sebarang tuntutan pampasan oleh pekerja yang sepatutnya ditanggung oleh syarikat insuran sekiranya kontraktor itu ingkar dalam menyelenggarakan polisi insuran dan / atau :
 - ii. Membayar premium yang sampai masanya dibayar tetapi masih dibayar dan memotong jumlah premium itu dari mana-mana jumlah wang yang patut dibayar oleh kontraktor.
 - (e) Tidak ada dalam fasal yang membawa pengertian mengambil atau mengetepikan atau dalam apa jua cara mengubah hak Majlis untuk dilepaskan dari tanggungan oleh kontraktor, berkenaan semua pampasan, kos dan lain-lain perbelanjaan yang mana dengan sebab kemungkiran kontraktor atau sebaliknya, dibayar oleh Majlis dibawah undang-undang tersebut atau sebarang undang-undang lain.
11. Jika Kontraktor, selepas menerima pemberitahuan bertulis dari Yang Dipertua yang menghendaki supaya dipatuhi apa-apa tindakan atau arahan dalam tempoh tujuh hari, gagal mematuhi tindakan atau arahan itu, Yang Dipertua boleh menggaji orang lain untuk melaksanakan kerja-kerja yang diperlukan itu dan semua kos yang berkaitan dengannya boleh didapati balik dari Kontraktor itu oleh Yang Dipertua, sebagai satu hutang atau boleh juga dipungut dari wang yang patut dibayar kepada Kontraktor.
12. MUNGKIR
- Jika Kontraktor mungkir dalam perkara yang berikut, iaitu :-
- i. Tanpa sebab munasabah menggantung kerja keseluruhan atau gagal menjalankan syarat-syarat yang ditetapkan dalam fasal 2 (a) – (b) penentuan kontrak ini sepenuhnya dan memuaskan hati Yang Dipertua ;
 - ii. Gagal menjalankan kerja dengan usaha yang munasabah ;

- iii. Enggan atau agak cuai, selepas pemberitahuan bertulis dari Yang Dipertua, membuang kerja-kerja yang cacat, kemudian, sekiranya kemungkiran itu berterusan lebih 24 jam selepas pemberitahuan dihantar dengan pos berdaftar kepada kontraktor, Yang Dipertua

boleh (tanpa menyentuh hak-hak yang lain yang tersebut disini) dengan itu melalui pemberitahuan yang dihantar dengan pos berdaftar menamatkan kontrak ini

(b) **BANKRAP ATAU PENYERAHAN HAK**

Jika Kontraktor :-

- i Melakukan tindakan bankrap ;
- ii Tidak berkemampuan atau dikompaun atau mempunyai penyerahan hak untuk faedah si piutang ; atau
- iii Menyerah hak atau sub-kontrak sebahagiannya tanpa kebenaran bertulis dari Yang Dipertua. maka dalam kaedah sedemikian itu, Yang Dipertua boleh tanpa menyentuh lain-lain hak yang terkandung disini melalui notis yang dihantar melalui pos berdaftar menamatkan kontrak ini.

(c) Dalam hal yang tersebut diatas perkara berikut ini dilakukan :-

- i. Majlis akan menjalankan kerja atau melalui jabatannya sendiri atau menggaji kontraktor atau orang lain menjalankan kerja itu ;
- ii. Sekiranya kerja itu siap dibuat melalui jabatannya sendiri, perhitungan akan dibuat oleh Majlis untuk kos penyeliaan , faedah dan susut nilai lagi dan bayaran pasti yang biasa dan juga keuntungan, sebagaimana yang dibelanjakan, sekiranya kerja itu dijalankan oleh Majlis.

13. Jika semasa menjalankan kontrak ini terjadi peperangan yang membabitkan kerajaan atau rusuhan , peperangan saudara, mogok umum, gempa bumi, banjir atau ribut taufan berlaku yang melibatkan penyempurnaan kontrak ini, sebarang berkaitan dengan berterusnya penggantungan atau penamatan kontrak ini, hendaklah diselesaikan secara perjanjian yang dipersetujui oleh Yang Dipertua, Majlis Daerah Tapah dan kontraktor, dan jika gagal hendaklah diselesaikan sebagaimana diperuntukan dalam kontrak ini.
14. Sebagai syarat sebelum memulakan kerja di bawah kontrak ini, kontraktor hendaklah mencagarkan wang tunai dengan Majlis ini atau jaminan bank yang diluluskan bersama dengan 2% daripada jumlah kontrak yang diterima sebagai satu dana (kemudian ini disebut "Cagaran"). Dengan ini dipersetujui bahawa Yang Dpertia boleh menggunakan dan membayar dari cagaran itu ataupun memotong dari cagaran itu menurut syarat-syarat kontrak ini.
15. Cagaran (atau sebarang baki yang tinggal untuk kredit kontraktor) hendaklah dilepaskan setelah siap semua perkhidmatan yang dimaksudkan dalam kontrak ini.
16. Dengan syarat bahawa dalam hal ini berkenaan sebarang pertelingkahan atau perbezaan (kecuali pertelingkahan atau perbezaan kadar gaji atau syarat-syarat kerja atau pekerja-pekerja yang digaji oleh sub-kontraktor yang dilantik oleh sub-kontraktor yang diberi kuasa secara langsung oleh Kontraktor) yang timbul antara Majlis dengan kontraktor samada semasa kerja masih dijalankan atau selepas siap kerja itu atau selepas penamatan, penghentian atau pecahan kontrak, berkenaan penahanan oleh Yang Dipertua sebarang surat perakuan yang kontraktor berhak menuntut, maka

Yang Dipertua akan menamatkan pertelingkahan atau perbezaan itu dengan keputusan bertulis yang diberi kepada Kontraktor.

17. Keputusan tersebut adalah muktamad atau terikat kepada pihak berkaitan kecuali Kontraktor itu dalam tempoh 14 hari dari penerimaannya secara pemberitahuan bertulis kepada Yang Dipertua dalam hal yang sama itu, dalam hal ini atau dalam hal Yang Dipertua setelah 14 hari permintaan bertulis oleh Kontraktor, gagal membuat keputusan juga maka pertelingkahan atau perbezaan itu hendaklah dirujuk kepada timbang tara dan keputusan muktamad orang yang dilantik secara persetujuan antara Yang Dipertua dan Kontraktor bersetuju, atau penimbangtara yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri dan hukuman atau penimbang tara itu adalah muktamad dan mengikut pihak-pihak berkenaan. Rujukan sedemikian, kecuali dengan kebenaran bertulis dari Yang Dipertua dan Kontraktor. Penimbangtara berkuasa menyemak semula mana-mana perakuan, pendapat, keputusan, kos rujukan dan hukuman dan kos yang berkaitan atau mengarahkan yang sama untuk dicukai sebagaimana antara perbuatan peguamcara dan pelanggan atau antara pihak dengan pihak, dan mengarahkan oleh siapa dan cara ianya ditanggung dan dibayar.
18. Kontrak ini adalah perkhidmatan bagi tempoh 2 tahun sebagaimana disebutkan dan kontraktor hendaklah mengemukakan kos tender bagi tempoh yang dimaksudkan.
19. **LARANGAN PEMBAKARAN RUMPUT ATAU LAIN-LAIN SISA**
Kontraktor atau pekerja-pekerja yang dibawah jagaannya tidak dibenarkan sebarang pembakaran kepada rumput-rumput atau tumbuhan yang dipotong dilakukan di atas mana-mana rizab awam dan semua sisa-sisa tersebut hendaklah dipungut dan dibawa ke tapak pelupusan sisa pepejal yang ditetapkan oleh Majlis.

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH TAPAH**

SPEKIFIKASI BAGI KERJA-KERJA KONTRAK

PEMOTONGAN RUMPUT

1. Spesifikasi dan Senarai kawasan ini hendaklah dibaca dengan “Bentuk Perjanjian” dan Syarat-syarat Am Kontrak” dan semua fasal dalam “Bentuk Perjanjian” dan “Syarat-syarat Am Kontrak” tersebut yang mana tidak berlawanan terma-terma spesifikasi hendaklah dipakai kepada kontrak ini, tetapi dimana terma-terma Spesifikasi ini berlawanan dengan terma-terma Bentuk Perjanjian dan Syarat-syarat Am Kontrak, maka terma-terma Spesifikasi hendaklah dipatuhi.
 - 1.1 Pihak Majlis boleh membuat keputusan samada ‘preliminary’ perlu dibayar kepada Kontraktor. Keputusan pihak Majlis dalam perkara ini adalah muktamad.
 - 1.2 Dalam Spesifikasi ini takrif “Yang Dipertua” adalah pegawai yang masa ini mengetuai Majlis Daerah Tapah.
2. Kerja-kerja yang dimaksudkan dalam kontrak ini termasuklah memotong dan menyelenggara rumput di kawasan lapang, padang permainan, kolam tadahan dan lain-lain kawasan awam yang mana senarainya berserta dengan kawasannya adalah dikepilkan pada Spesifikasi ini. Kontrak ini juga memasukkan kerja-kerja merapi (trimming) kawasan-kawasan ini, merumput di sekeliling pokok-pokok, alat-alat permainan, tiang-tiang elektrik dan tiang-tiang telefon. Memotong rumput di tepi longkang dan seterusnya membuang rumput-rumput yang telah dipotong, tumbuhan dan lain-lain sisa ke tempat pembuangan. Kontraktor boleh juga membuat perjanjiannya sendiri untuk membuang rumput yang telah dipotong, tertakluk kepada sekatannya yang dinyatakan dalam Fasal 11 kemudian daripada ini.
3. Kontraktor hendaklah menyediakan di tempat kerja bilangan pekerja yang minimum dan mesen, perkakas, pemotong rumput SETIAP HARI termasuk semua alatan, pengangkutan, perkakas, bahan api dan lain-lain yang diperlukan untuk menyelenggara bahu jalan, kawasan lapang, padang kanak-kanak / rekreasi dalam tempoh sekali dalam sebulan. Kontraktor bertanggungjawab memotong rumput, merumput di sekeliling pokok, tiang telefon dan tiang elektrik, alat permainan dan lain-lain, merapikan pinggir jalan dan juga menyapu serta membuang rumput rumpai dan sisa-sisa pepejal berikutan dengan pelaksanaan kerja-kerja pembersihan. Semua alatan, loji mesen dan perkakas yang disediakan oleh Kontraktor hendaklah dalam keadaan boleh bekerja (berfungsi) dan baik supaya kerja dapat dijalankan dengan cekap tanpa kelewatan.
4. Kontraktor hendaklah menggaji Penyelia Kerja yang berkebolehan yang dalam setiap hal mewakili kontraktor semasa kontraktor tidak ada dan apa-apa arahan yang diberi kepada Penyelia Kerja dikira sebagai arahan yang diberi kepada Kontraktor. Penyelia Kerja ini hendaklah boleh bertutur / memahami dalam Bahasa Malaysia. Kontraktor hendaklah datang ke Pejabat Jabatan Perkhidmatan Bandar, Majlis Daerah Tapah sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu secara temujanji untuk menerima arahan dari Yang Dipertua berkenaan kerja dan selanjutnya beliau mestilah mengemukakan rekod kerja dalam suatu borang khas atau buku seperti yang dipersetujui. Kontraktor hendaklah menghabiskan satu (1) pusingan pemotongan rumput dan pembersihan semua rumput dalam tempoh satu bulan pusingan kerja bagi pembersihan di kawasan bahu jalan, kawasan lapang, padang kanak-kanak / rekreasi dan lain-lain kawasan berumput. Jika tidak, Majlis ini akan mengeluarkan notis tindakan pembetulan (NTC) dan potongan akan dibuat berdasarkan jumlah NTC yang gagal di ambil tindakan pada bulan berkenaan.

Pekerja asing jika ada mestilah terdiri daripada pemegang permit sah. Majlis tidak akan bertanggungjawab di atas dalam masalah yang timbul.

5. Yang Dipertua memiliki kuasa penuh pada bila-bila masa untuk mendesak pembuangan mana-mana Penyelia Kerja, Buruh dan lain-lain pekerja, demi kepentingan Majlis, yang beliau anggap lebih baik dibuang kerja.
6. Kontraktor hendaklah membuat peruntukan bagi semua hal-hal yang tidak dijangka oleh kerana cuaca tidak baik, kerja tertunda, ataupun apabila dipinta oleh Yang Dipertua menyenggara kerja yang tidak memuaskan oleh sebab-sebab lain.

Kontraktor hendaklah membuat peruntukan bagi semua hal-hal yang tidak dijangka ini dalam harga tendernya kerana tuntutan untuk tambahan atas alasan yang tersebut di atas tidak akan dilayan oleh Majlis Daerah Tapah.

7. Kontraktor akan diberi satu senarai susunan (Order) yang mana kawasan lapang dan cerun yang hendak dipotong dan biasanya susunan ini akan dituruti. Semua rumput hendaklah dipotong rapat dan rapi dengan mesen dalam keadaan pendek dan bersih. Kadar pertumbuhan rumput berubah-ubah menurut cuaca dan lain-lain keadaan, dan ini hendaklah diambil kira oleh Kontraktor sepanjang masa mengawasi agar keadaan rumput itu memuaskan hati Yang Dipertua atau Ketua Jabatan Perkhidmatan Bandar.

Kerja-kerja untuk pusingan berikutnya tidak boleh dimulakan sehingga semua kerja dalam pusingan yang sedia ada itu disahkan siap memuaskan hati Yang Dipertua atau wakilnya.

Pemotongan rumput dengan mesen hendaklah sentiasa mendahului kerja yang dibuat dengan tangan. Kontraktor hendaklah memastikan semua kawasan diselenggara sebelum membenarkan mesen dan pekerjaanya berpindah ke kawasan lain.

Notis Tindakan Pembetulan (NTC) akan dikeluarkan jika kontraktor gagal memotong rumput dengan memuaskan hati Yang Dipertua pada keseluruhannya atau sebahagian sesuatu kawasan lapang, padang permianan/ rekreasi dan sebagainya.

Rumput di sepanjang kaki longkang dan benteng hendaklah dipotong dengan rapi supaya rumput tidak meliputi bahagian konkrit longkang itu.

Kontraktor hendaklah menyediakan sebuah lori tidak kurang dari 25 cwt muatannya untuk sekurang-kurangnya 26 hari dalam sebulan untuk pengangkutan dan pembuangan rumput yang telah dipotong, tumbuh-tumbuhan, rumput yang dirapikan dan membawa sisa-sisa buangan, sampah sarap dan sampah kebun dari kawasan lapang. Sekiranya lori rosak dan perlu diperbaiki, maka kontraktor dengan perbelanjaannya sendiri hendaklah menyewa sebuah kenderaan lain.

Rumput dimana-mana tempat pun tidak boleh dibiarkan tanpa dipotong untuk tempoh lebih dari satu (1) bulan untuk kawasan bahu jalan dan kawasan lapang, dan lain-lain rizab, Setiap pusingan hendaklah disiapkan sebagaimana yang telah ditetapkan. Kegagalan memamtuhi kehendak ini dikira sebagai kemungkiran kontrak.

8. Semua rumput dan tumbuh-tumbuhan yang dipotong beserta dengan rumput yang dirapikan (lihat fasal 9) dan lain-lain sampah sarap mestilah dibawa ke tempat pembuangan sampah oleh kontraktor dan ia hendaklah menyediakan cara pengangkutannya sendiri. Majlis Daerah Tapah akan membenarkan kontraktor membuang bahan-bahan buangan itu ke tempat buang sampah Majlis Daerah Tapah tetapi kontraktor boleh, dengan kebenaran Yang Dipertua membuangnya di tempat yang dibenarkan dari semasa ke semasa.

Atau;

Kontraktor itu boleh menjual dan sebagainya dengan syarat ia berbuat demikian tanpa membuang masa selepas memotong rumput tersebut. Kontraktor sekali-kali tidak dibenarkan membuang rumput yang dipotong dan bahan-bahan buangan lain dimanapun tempat yang mungkin menimbulkan bantahan orang ramai. Kontraktor jua tidak dibenarkan membakar rumput diatas kawasan lapang.

Notis Tindakan Pembetulan (NTC) akan dibuat jika kontraktor didapati membuang rumput di Tanah Kerajaan, tanah swasta tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu dari pemilik tanah dan juga sekiranya membakar rumput di tepi jalan / kawasan lapang.

9. Semua rumput dan tumbuh-tumbuhan yang dipotong dan rumput yang dirapikan mestilah dibuang dari tepi jalan tidak lewat dari 24 jam selepas dipotong. Kegagalan membuang rumput yang dipotong dalam masa 24 jam akan dikira sebagai kelewatan dalam kerja harian dan **Notis Tindakan Pembetulan (NTC)** akan dikeluarkan kepada pihak Kontraktor dan jumlah potongan adalah berdasarkan bilangan **NTC** pada bulan berkenaan.
10. Kontraktor dikehendaki, tanpa bayaran tambahan, menyenggara semua kawasan lapang dan lain-lain seperti di Fasal 2 di seluruh kawasan yang disenaraikan membuang semua tumbuh-tumbuhan yang tidak berguna dalam kawasan itu dan oleh itu kontraktor dinasihatkan supaya melawat kawasan tersebut sebelum mengemukakan tender untuk menentukan apa-apa ciri yang mungkin membabitkan harganya, sekiranya dianggap perlu beliau boleh mengukur keluasan dan panjang kawasan ini.
11. Mesin pemotong rumput hendaklah jenis mudah alih (portable) dan jenis 'lawn mower' dengan keupayaan jentera seperti yang disyaratkan. Mesin itu hendaklah dalam keadaan yang baik dan hendaklah disenggara sewajarnya. Kontraktor hendaklah menyediakan mesin tambahan dengan perbelanjaan sendiri untuk mengganti mana-mana mesin yang rosak.

Mana-mana mesin memotong rumput yang dibawa ke tempat kerja tetapi tidak digunakan, gagal berfungsi atau tidak dapat berfungsi dengan keadaan yang baik dikira dalam kiraan harian bilangan mesin minimum yang disediakan oleh kontraktor.

Jenis Lawn Mower - Keupayaan jentera tidak kurang dari 4 k.k. dengan mata sabitnya sekurang-kurangnya 21 inci panjang dan boleh menebas antara ½” hingga 1 ¾” tinggi.

Jenis Mudah Alih - Kuasa keupayaan jentera masing-masing tidak kurang dari 1.8 k.k dan 30 c.c. mesin itu hendaklah memiliki mata gergaji bulat untuk memotong tumbuh-tumbuhan dan rumput.

12. Kontraktor hendaklah seberapa mungkin tidak mengganggu orang ramai serta lalulintas dalam pelaksanaan kerja dan hendaklah menjaga kepentingan dan kesejahteraan orang-orang persendirian yang memiliki harta berhampiran dengan tempat kerja tersebut. Notis / Tanda Isyarat Lalulintas / Amaran perlu dipasang di kawasan tertentu jika perlu sebagai langkah keselamatan.

13. Jika kerja telah dilaksanakan dengan memuaskan hati Yang Dipertua Majlis Daerah Tapah, maka bayaran akan dibuat setelah kontraktor mengemukakan bil bulanan yang menunjukkan pelbagai kawasan dan kerja yang dibuat dan jumlah yang dituntut.

Tempoh kontrak ini ialah 24 bulan dan tidak mengandungi sebarang fasal perubahan harga dan tertakluk kepada Majlis Daerah Tapah memiliki hak menamatkan kontrak ini dengan syarat 1 bulan notis diberi tanpa sebarang sebab dikemukakan.

Kontraktor dikehendaki membekalkan setiap bulan gambar kerja sebelum dan selepas dan kos bagi mencuci gambar ditanggung oleh kontraktor.

Kontraktor dikehendaki menghantar tuntutan bayaran selewat-lewat sebelum atau pada 5 haribulan berikutnya.

14. Jika kontraktor melanggar syarat-syarat kontrak ini atau gagal membuat kerja dengan memuaskan hati Yang Dipertua, maka Majlis Daerah Tapah boleh :-

(a) Membuat kerja itu dengan pekerja dan pengangkutanya sendiri ;

Atau ;

(b) Membuat kontrak baru dengan kontraktor lain.

Dalam hal yang tersebut, kos tambahan kepada Majlis Daerah Tapah yang sepatutnya dibayar mengikut kos asal mestilah dibayar oleh kontraktor yang mungkir janji ini kepada Majlis Daerah Tapah dan boleh dipotong oleh Majlis Daerah Tapah dari sebarang deposit atau dari wang yang akan dibayar oleh kontraktor, atau boleh diperolehi balik oleh Majlis Daerah Tapah dalam mana-mana Mahkamah.

Kontraktor mestilah, dalam tempoh 3 hari dari tarikh pemberitahuan yang tendernya telah diterima atau dalam tempoh masa yang dipanjangkan seperti yang dibenarkan secara bertulis dari Majlis Daerah Tapah dan sebelum dokumen kontrak ditandatangani mengambil insuran , suatu insuran yang sah, memuaskan hati Majlis Daerah Tapah, yang melepaskan Majlis Daerah Tapah dari tanggungan berkaitan dan sebarang tuntutan kerosakan, pampasan, denda atau penalti yang boleh dituntut dari Majlis Daerah Tapah atau terpaksa dibayar oleh Majlis Daerah Tapah di bawah Ordinan Pampasan Pekerja.

Sebagai jaminan bagi pelaksanaan kontrak ini sepatutnya dan sewajarnya maka kontraktor, sebelum menandatangani Kontrak ini, hendaklah mencagarkan wang tunai atau jaminan bank bersamaan dengan 5 % daripada jumlah kontrak dengan Majlis Daerah Tapah dan akan dipegang oleh Majlis Daerah Tapah bebas daripada faedah sehingga kontrak ini disempurnakan dengan memuaskan hati. Wang cagaran akan dikembalikan setelah dikira denda dan sebagainya apabila tamat kelak.

15. Boleh juga dibuat keputusan pada bila-bila masa dalam tahun berkenaan bahawa kawasan-kawasan tertentu akan dimasukkan / dipotong dari kontrak untuk sebarang bilangan bulan. Masukkan / potongan seperti itu akan dibuat hanya dengan 1 bulan notis bertulis.
16. Majlis Daerah Tapah boleh melanjutkan kontrak ini untuk suatu tempoh tidak lebih dari dua tahun sekiranya kerja itu dibuat oleh Penender yang berjaya dalam tahun yang berkenaan dengan memuaskan hati Majlis Daerah Tapah.
17. Kontraktor mestilah menyediakan papan tanda projek mengikut piawai Majlis Daerah Tapah dan pelan lukisan sekurang-kurangnya 3 bilangan untuk satu Zon.

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH TAPAH**